

Perbincangan lanjut PETRONAS, PETROS dimuktamadkan segera

BERITA HARIAN 5 MAY 2025

m/s: 3

PM minta semua pihak tangguh sebarang tindakan, kenyataan demi kepentingan bersama

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan perbincangan lanjut membatik urusan Petrolia National Berhad (PETRONAS) dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) akan dimuktamadkan segera demi manfaat kedua-dua pihak.

Jaminan itu diberikan Perdana Menteri yang yakin isu berkenaan akan dapat dirungkai dengan berhemah.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pihak menangguhkan se-

PETRONAS sahkan terima notis kerajaan Sarawak

Syarikat horat
negara negeri
saman negeri
beroperasi
tepatan 2016
2021 demi
kepentingan negara



Keratan akhbar
BH kelmarin.

barang tindakan atau mengeluarkan sebarang kenyataan atas dasar kepentingan bersama.

Yakin isu dapat dirungkai

Beliau berkata, perbincangan lanjut bagi memuktamadkan perkara itu akan diatur sebaik Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, kembali daripada lawatan rasmi ke London, United Kingdom.

“Saya berkesempatan bercakap dengan Premier Sarawak, semalam (kelmarin) mengenai urusan PETRONAS-PETROS berdasarkan prinsip yang disepakati sebelum ini.



“Sekembalinya Premier daripada lawatan rasmi ke London, kelak, kami akan segera mengadakan perbincangan lanjut untuk memuktamadkan.

“Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa isu ini dapat dirungkai dengan berhemah dengan berdiri teguh di jalur wacana yang sihat dan bermakna, insya-Allah,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kerajaan Sarawak mengeluarkan surat tuntutan kepada anak syarikat PETRONAS, Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB), atas dakwaan melanggar Seksyen 7(e) Ordinan Pengagihan Gas (DGO) 2016.

Melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, kerajaan negeri mendakwa sebuah loji kendalian PCSB di Miri Crude Oil Terminal (MCOT) yang menyentuh aktiviti pembi-

naan, penyelenggaraan serta pengurusan saluran paip dan peralatan gas asli, telah beroperasi tanpa permit sah di bawah undang-undang.

Sebelum ini, PETRONAS mengesahkan anak syarikatnya, PCSB menerima notis daripada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak pada 30 April lalu, berhubung pemprosesan dan pengedaran gas.